



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 FEBRUARI 2024 (SELASA)

Tiada papan tanda larangan alasan bawa anjing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	16	13 Feb

Tiada papan tanda larangan alasan bawa anjing

Georgetown: Ketiadaan papan tanda larangan dibawa masuk haiwan peliharaan menyebabkan kebanyakan pemilik bersikap tidak peduli terhadap perkitaran dan sensitiviti ketika mengunjungi persiaran Taman Gurney Bay di sini.

Tinjauan selama sejam di taman rekreasi itu mendapati, sekurang-kurangnya enam ekor anjing dibawa masuk ke siti oleh pemilik tanpa rasa segan silu terhadap pengunjung, khususnya yang beragama Islam.

Berdasarkan permerhatian di taman rekreasi bagi fasa pertama berkeluasan 11.2 hektar yang baru dibuka sejak 4 Februari lalu, tiada sebarang papan tanda amaran kemasukan haiwan peliharaan dipamerkan.

Sebaliknya, hanya ada papan tanda larangan membuang sampah, merosakkan tanaman, merokok, menjaja dan melakukan kegiatan vandalisme.

Bagaimanapun, terdapat satu keratan kertas mlarang kemasukan anjing dilekatkan di bahagian papan tanda larangan memijak rumput di bahagian luar taman yang diperlakukan baru sahaja diletakkan selepas isu itu disuarakan pengunjung.

Pengunjung, Hajrah Kamardin, 40-an, berkata suaminya, Nasir Yusoff ada membuat aduan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selepas mendapati anjing dibawa masuk begitu sahaja tanpa menghiraukan pengunjung lain.

"Taman rekreasi ini baru lebih seminggu dibuka kepada orang ramai tetapi walaupun baru, peraturan ini (haiwan dilarang masuk) sudah menjadi satu kelinaman di semua tempat awam di negara ini," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pengunjung yang mahu dikenali Afiq Irdina, 20-an, pula berkata, bapanya ada memberi teguran apabila melihat pemilik anjing membawa haiwan itu masuk namun semua memberi alasan bahawa tiada papan tanda larangan yang akhirnya membolehkan mereka berbuat demikian.

"Dalam hal ini, bukan sahaja anjing tetapi juga kucing atau apa-apa sahaja haiwan yang patutnya semua sudah sedar bahawa tempat awam melarang membawa masuk haiwan."

"Pihak berkuasa tempatan perlu bertindak supaya keadaan dapat dikawal dari awal dengan membuat rondian secara berkala dan memberikan amaran, seterusnya mengeluarkan notis saran kepada mereka yang ingkar," katanya.

Penunggang motosikal maut langgar kerbau melintas jalan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Mahkamah & Jenayah	15	13 Feb

Penunggang motosikal maut langgar kerbau melintas jalan

LANGKAWI - Seorang lelaki maut selepas motosikal ditungganginya melanggar seekor kerbau yang melintas di Jalan Kuala Teriang di sini pada malam Ahad.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shahriman Ashari berkata, mangsa dikenali Muhammad Dinie Izzat Mohd Shukor, 19, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Menurut beliau, polis menerima laporan berhubung kemalangan tersebut pada jam 9.08 malam.

"Balai Trafik Langkawi menerima makluman kemalangan maut melibatkan sebuah motosikal yang melanggar binatang yang dipercayai seekor kerbau di Jalan Kuala Teriang berdekatan dengan Kampung Lawer.

"Mangsa telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian dan mayat mangsa telah dibawa ke unit forensik Hospital Sultanah Maliha," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Shahriman memberitahu, siasatan di lokasi kejadian mendapati jalan lurus di kedua-dua arah, garisan tengah putih putus-putus, cuaca baik dan keadaan jalan gelap berlampa.

"Hasil siasatan dijalankan mendapati kemalangan berpunca dari pada kerbau melintas jalan dan mangsa tidak sempat untuk membrek," ujar beliau.

Menurutnya, siasatan dibuka di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR